

10/01/2004

Najib diberi mandat jalankan tugas Timbalan Presiden Umno

Kadir Dikoh; Misiah Taib; Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR: Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Razak yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri Rabu lalu, kini diberi amanah untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab Timbalan Presiden Umno berkuat kuasa serta-merta.

Persetujuan itu dibuat pada mesyuarat Pengurusan Umno yang dipengerusikan bagi kali terakhir oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam, dan kemudian diperakukan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno.

Pada sidang media selepas mesyuarat MT selama kira-kira dua jam itu, Abdullah yang juga Pemangku Presiden Umno, berkata Najib turut dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Umno, iaitu jawatan yang disandanginya sebelum ini.

Katanya, cadangan pelantikan Najib untuk menjalankan kerja timbalan presiden pada mesyuarat pengurusan parti yang diadakan sebelum mesyuarat MT itu, adalah amalan biasa dalam Umno.

"Semasa saya dulu pun, ketika masih naib presiden, saya telah melaksanakan kerja-kerja timbalan presiden. Saya menjadi timbalan presiden selepas pemilihan dalam parti," katanya.

Sebelum ini, apabila Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat daripada parti yang secara automatik jawatannya selaku Timbalan Presiden Umno terluat, Abdullah yang juga Naib Presiden ketika itu, diminta menjalankan tugas dan tanggungjawab Timbalan Presiden.

Abdullah turut mengumumkan bahawa MT mencalonkan seorang lagi Naib Presiden, Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk mewakili Umno dalam Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN).

Beliau berkata, pelantikan Muhyiddin itu adalah bagi mengisi kuota Umno berikutan persaraan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno pada Oktober lalu.

Setiap parti komponen BN diperuntukkan tiga wakil ke Majlis Tertinggi BN. Pada masa ini, Abdullah, Najib dan seorang lagi Naib Presiden, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, adalah wakil Umno sedia ada dalam majlis itu.

Berikutan Abdullah kini Pengerusi BN, Muhyiddin akan mengisi satu lagi kuota yang dikosongkan itu.

Sumber BN pula memberitahu Najib dijangka dilantik sebagai Timbalan Pengerusi BN pada mesyuarat pertama Dewan Tertinggi gabungan itu pada 15 Januari ini.

Abdullah juga berkata mesyuarat MT semalam turut meluluskan usul rasmi menyokong pelantikan Najib sebagai Timbalan Perdana Menteri dan rombak kecil Kabinet yang dilakukannya Rabu lalu.

"MT juga memberi pandangan dengan adanya perubahan ini, Insya-Allah akan meningkatkan lagi keberkesanan tindakan kerajaan khususnya dalam melaksanakan program kerajaan," katanya.

Abdullah berkata, pada mesyuarat itu Najib mengambil kesempatan memberi pengakuan kepada MT bahawa beliau akan terus bekerja kuat, memberi sokongan dan kesetiaan kepada pemangku presiden parti dan terus bekerjasama dengan semua ahli MT serta pemimpin Umno di semua peringkat.

Katanya, MT membuktikan kesungguhan untuk meningkatkan lagi kerjasama sesama ahli serta keberkesanan pelaksanaan kegiatan parti di peringkat negeri, bahagian dan cawangan.

"Kita juga bersetuju meningkatkan kerjasama dan saling bantu membantu bagi menyelesaikan apa juga pertelingkahan yang wujud antara pemimpin dan ahli Umno.

"Apa yang kita sarankan ialah supaya Umno tetap menjadi sebuah parti yang kuat, kukuh dan terus berpengaruh," katanya.

Abdullah turut ditanya wartawan media asing mengenai analisis yang dibuat seorang penganalisis bahawa Umno tidak menghadapi masalah untuk menang dua pertiga pada pilihan raya umum akan datang.

"Betul ke... saya gembira mendengarnya. Kita akan melakukan yang terbaik untuk mendapat seberapa ramai rakyat supaya menyokong BN," katanya.

Mengenai persiapan di peringkat negeri untuk menghadapi pilihan raya, beliau berkata semuanya berjalan dengan baik.